

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 30 Jun 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI LAPORAN SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK 2020

Perbelanjaan Pelancongan Domestik di Malaysia Menjunam 60.8 Peratus Pada Tahun 2020 untuk Merekodkan RM40.4 Bilion

PUTRAJAYA, 30 JUN 2021 – Jabatan Perangkakan Malaysia hari ini menerbitkan **LAPORAN SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK 2020** yang merangkumi statistik berkaitan ketibaan pelawat, perbelanjaan pelancongan, trend perjalanan dan profil sosial & demografi pelawat domestik. Perbelanjaan pelancongan domestik pada tahun 2020 merosot 60.8 peratus dengan hanya merekodkan RM40.4 bilion (2019: 103.2 bilion). Ini adalah kejatuhan kali pertama sejak 2008 apabila DOSM mula menyusun statistik Survei Pelancongan Domestik.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dalam ulasannya berkata, “Langkah melaksanakan sekatan pergerakan akibat penularan pandemik COVID-19 telah menjejaskan aktiviti pelancongan domestik di Malaysia pada tahun 2020. Secara keseluruhan, ketibaan pelawat domestik merosot 44.9 peratus dengan merekodkan 131.7 juta pelawat berbanding 239.1 juta pelawat pada tahun 2019, mengakibatkan penurunan 60.8 peratus dalam jumlah perbelanjaan dengan mencatatkan RM40.4 bilion berbanding RM103.2 bilion pada tahun sebelumnya.”


Mengulas lanjut prestasi pelancongan domestik Malaysia pada 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa prestasi rendah bagi perbelanjaan pelancongan domestik didorong oleh penurunan jumlah perbelanjaan oleh pelancong dan pelawat harian sebanyak -65.9 peratus dan -51.1 peratus masing-masing. Ini adalah selari dengan pertumbuhan negatif bagi volum pelawat harian (-44.7%) dan pelancong (-45.4%). Dari segi volum jumlah perjalanan, pelawat domestik telah melakukan 147.0 juta perjalanan di dalam negara, menurun 55.8 peratus berbanding 2019.

Pada tahun 2020, membeli-belah mencatatkan peratus sumbangan tertinggi daripada keseluruhan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat oleh pelawat domestik untuk perjalanannya dengan sumbangan 52.6 peratus (2019: 37.8%), diikuti oleh makanan & minuman, 18.6 peratus (2019: 14.3%) dan bahan api kenderaan, 9.0 peratus (2019:15.0%). Ini adalah kali pertama perbelanjaan bagi makanan & minuman mendahului perbelanjaan bagi bahan api kenderaan. Sementara itu, peratus sumbangan perjalanan untuk tujuan membeli-belah merekodkan 42.3 peratus (2019: 35.4%) mengatasi sumbangan perjalanan untuk melawat saudara-mara dan rakan, 32.0 peratus (2019: 42.3%) untuk kali pertama sejak tahun 2008. Ini diikuti oleh sumbangan bagi percutian/ mengisi masa lapang/ berehat, 16.9 peratus (2019: 9.0%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "Selangor adalah negeri yang paling ramai dikunjungi oleh pelawat domestik pada tahun 2020 iaitu 19.7 juta pelawat, diikuti oleh Perak (13.2 juta), W.P. Kuala Lumpur (12.4 juta), Sabah (10.3 juta) dan Kedah (10.1 juta)."

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang

ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

30 JUN 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, June 30, 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR REPORT OF DOMESTIC TOURISM SURVEY, 2020**

Domestic Tourism Spending in Malaysia Plunged 60.8 per cent in 2020 to Record RM40.4 Billion

PUTRAJAYA, JUNE 30 2021 – *The Department of Statistics, Malaysia today released **REPORT OF DOMESTIC TOURISM SURVEY 2020** which comprises statistics of visitor arrivals, tourism expenditure, travelling pattern and social & demographic profile of domestic visitors. Domestic tourism expenditure in 2020 plummeted 60.8 per cent with only recorded RM40.4 billion (2019: RM103.2 billion). This was the first drop since 2008 when DOSM started to compile Domestic Tourism Survey statistics.*

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia in his review said, "The implementation of movement restrictions due to the COVID-19 pandemic had affected domestic tourism activities in Malaysia in 2020. Overall, domestic visitor arrivals decreased by 44.9 per cent to record 131.7 million visitors as compared to 239.1 million visitors in 2019, resulting in a decline of 60.8 per cent in the total expenditure to register RM40.4 billion as compared to RM103.2 billion in the previous year."


Commenting further on Malaysia's domestic tourism performance in 2020, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that the low performance for domestic tourism expenditure was driven by decrease in the total expenditure by tourists and excursionists at -65.9 per cent and -51.1 per cent respectively. This was in line with the negative growth in the volume of excursionists (-44.7%) and tourists (-45.4%). In terms of volume of total tourism trips, domestic visitors undertook 147.0 million trips within the country, declined by 55.8 per cent as against 2019.

In 2020, shopping registered the highest percentage share from the total expenditure made by a domestic visitor for his/her trip with a share of 52.6 per cent (2019: 37.8%), followed by food & beverage, 18.6 per cent (2019: 14.3%) and automotive fuel, 9.0 per cent (2019: 15.0%). This was the first time for the expenditure on food & beverage preceded the expenditure on automotive fuel. Meanwhile, the percentage share of trips for shopping purposes recorded 42.3 per cent (2019: 35.4%) exceeded the share of trips for visiting relatives and friends, 32.0 per cent (2019: 42.3%) for the first time since year 2008. This was followed by the share of holiday/ leisure/ relaxation, 16.9 per cent (2019: 9.0%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted, "Selangor was the most visited state by domestic visitors in 2020 which accounted for 19.7 million visitors, followed by Perak (13.2 million), W.P. Kuala Lumpur (12.4 million), Sabah (10.3 million) and Kedah (10.1 million)."

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart: Malaysia's Domestic Tourism Expenditure, 2008-2020



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

30 JUNE 2021